

PEJABAT BENDAHARI

NOTIS MAKLUMAN PENANGGUHAN (MORATORIUM) BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN

Mengambil kira impak penularan wabak COVID-19 yang menjejaskan ekonomi negara selaras dengan arahan Bank Negara Malaysia (BNM) berkenaan penangguhan (moratorium) bayaran balik pembiayaan mulai 1 April 2020, Jawatankuasa Pengurusan Universiti telah meluluskan pelaksanaan moratorium ini tertakluk kepada syarat-syarat di bawah.

Sehubungan itu, Pejabat Bendahari akan melaksanakan pelarasan maklumat potongan seperti berikut:

1		Penangguhan potongan selama 6 bulan berkuat kuasa mulai gaji bulan April hingga September 2020
2	Skim Pembiayaan Universiti merangkumi Pembiayaan Kenderaan (kereta dan motosikal) dan Komputer (termasuk telefon pintar)	Penangguhan potongan selama 6 bulan dengan pilihan berkuat kuasa mulai gaji bulan April hingga September 2020 (Pilihan)
3		Potongan akan diselaraskan mengikut penyata pelarasan daripada Biro Angkasa kerana melibatkan maklumat potongan yang tidak termasuk dalam Arahan BNM seperti potongan CuepacsCare dan sebagainya.

Bagi potongan selain daripada yang dinyatakan di atas seperti potongan pembiayaan perumahan LPPSA, pembiayaan koperasi UMK dan sebagainya akan diteruskan seperti biasa sehingga dimaklumkan perubahan dari semasa ke semasa.

Sekiranya staf berhasrat untuk **KEKAL** meneruskan potongan pembiayaan seperti biasa, staf adalah dinasihatkan untuk berhubung dengan pihak bank/agensi dan Pejabat Bendahari) serta memaklumkan kepada Pejabat Bendahari selewat-lewatnya **4 April 2020** melalui emel emolumen.bendahari@umk.edu.my. Diharapkan pelaksanaan moratorium ini dapat meringankan beban kewangan staf seterusnya membuat perancangan kewangan yang lebih berkesan.

Saya yang menjalankan amanah,



JUNAIDAH BINTI BADAR
BENDAHARI
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN